

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kadar penembusan jalur lebar mudah alih, internet dan jalur lebar berkelajuan tinggi di Sabah dan langkah-langkah yang diambil bagi menambah baik kualiti perkhidmatan khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), yang bertujuan untuk menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Setakat suku kedua tahun 2021, kadar penembusan jalur lebar mudah alih di Sabah adalah sebanyak 88% bagi setiap 100 penduduk, manakala bagi jalur lebar talian tetap pula adalah sebanyak 20.9% bagi setiap 100 premis.

Antara inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Sabah melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di bawah Fasa 1 setakat 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 16

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Pelaksanaan	Siap
Sabah	538	52	3,500	2,337	251,165	109,408	138	-

Secara umumnya pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sabah telah meningkat kepada 83.90% pada suku ketiga 2021 berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku ketiga 2020. Usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaik taraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan rakyat sentiasa diutamakan.

Para pengguna digalakkan untuk melayari portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan ke dalam perancangan masa hadapan. Maklumat yang diperoleh daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, Pihak Kerajaan akan turut melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Pelaksanaan PoP bagi Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah manakala bagi Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap menjelang akhir RMK-12 Tahun 2025. Keseluruhan jumlah PoP di kawasan luar bandar di negeri Sabah adalah sebanyak 695. Manakala jumlah PoP di kawasan Parlimen Sepanggar adalah 6.